

Newspaper	Sinar Harian
Date	5 March 2016

Pemuda Umno kesal tindakan Tun M bersekongkol dengan pembangkang

KUALA LUMPUR - Pemuda Umno kesal dengan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersekongkol bersama pemimpin-pemimpin pembangkang serta NGO anti-kerajaan mengemukakan deklarasi menolak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Exco Pemuda Umno, Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata, Mahathir sanggup mengamalkan prinsip matlamat menghalalkan cara semata-mata mahu melihat Najib digulingkan daripada jawatannya sebagai Perdana

Menteri.

"Selama 22 tahun beliau berjasa membangunkan negara namun akhirnya Mahathir sebagai bekas Presiden Umno telah memilih untuk bersama pembangkang semata-mata untuk merealisasikan agendanya itu dan memberikan tauladan yang buruk di hujung karier politiknya," katanya.

Beliau berkata, lebih menyedihkan, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir tu-

rut bersama Mahathir dalam agenda menjatuhkan Najib.

"Justeru, memang tepat keputusan Ahli Majlis Tertinggi Umno membuat keputusan menggantung jawatan Muhyiddin sebagai Timbalan Presiden Umno dan sebelum itu digugurkan dari jawatan timbalan perdana menteri," katanya.

Tegas Nazir, Pemuda Umno akan berdiri teguh di belakang Najib dan merapatkan saf mempertahankan parti keramat ini agar tidak diganggu-gugat anasir asing, sekaligus memastikan tiada



NAZIR

'gantung dalam lipatan' dalam parti keramat itu.

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda Umno, Khairul

Azwan Harun gandingan kekuk Mahahir dan Lim Kit Siang tidak layak untuk mendesak Najib, seorang pemimpin yang mendapat mandat demokratik dari rakyat dan ahli Umno untuk berundur.

Katanya, sewaktu Mahathir menjadi Presiden Umno dan perdana menteri, ahli parti tetap mempertahankan beliau dalam pelbagai episod dan krisis politik.

"Mahathir sepatutnya tidak mengajar anak muda dengan sikap sebegini. Bersekongkol dengan Kit Siang yang sudah lapuk menjadi pemimpin DAP

sejak tahun 1965 sehingga ke hari ini. Siapa dia hendak mendesak pemimpin lain untuk berundur?" katanya.

Beliau berkata, Pemuda Umno juga sedih melihat tauladan buruk yang ditunjukkan Mahathir dan politik langang tidak wajar menjadi ikutan anak-anak muda.

"Mahathir perlu hentikan *the act of political hypocrisy* yang amat ketara. Sekiranya ada keberanian maka kami desak agar kedua-dua yang masih enggan bersara ini untuk bertanding dalam PRU yang akan datang," katanya.

Sinar Harian - 5/3/2016